



KONVENTSYEN PEMERKASAAN MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK) KAMPUNG BARU



Pada 27 April hingga 28 April 2019, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Konvensyen Pemerkasaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan majlis perasmian penutupnya pada 28 April 2019.

Konvensyen ini telah menghimpunkan hampir 800 orang pengurus dan setiausaha MPKK Kampung Baru dari seluruh negara yang diadakan selaras dengan hasrat KP KT untuk memperkasakan peranan dan tanggungjawab MPKK dalam pentadbiran dan pembangunan Kampung Baru di seluruh negara. Kampung Baru merupakan kampung-kampung yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kecemasan (Rancangan Briggs). Selaras dengan peredaran masa, kini terdapat 613 buah Kampung Baru termasuk kampung bagan dan rangkaian.

Pelbagai topik terkini telah diketengahkan dalam konvensyen ini dan ia melibatkan seramai 15 orang tokoh yang berpengalaman untuk mengupas pelbagai isu yang menjurus kepada lapan (8) fokus utama iaitu:-

1. Dasar Komuniti Negara;
2. sejarah dan hala tuju kampung baru;
3. pemberdayaan wanita;
4. pengurusan keselamatan;
5. pendidikan, kesenian dan kebudayaan;
6. bantuan kewangan komuniti;
7. pengurusan alam sekitar komuniti; dan
8. pemerkasaan peranan dan tanggungjawab MPKK.

Antara tokoh-tokoh yang berkongsi pengalaman dalam konvensyen ini adalah Yang Berhormat Ng Sze Han, Pengerusi Tetap Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor dan Yang Berhormat Ginie Lim, Pengerusi Tetap Jawatankuasa Wanita, Hal Ehwal Kebajikan dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Melaka.

Penganjuran Konvensyen telah membuka ruang dan peluang kepada ahli MPKK untuk lebih aktif berinteraksi dengan komuniti kampung dan memainkan peranan yang signifikan dalam usaha melibatkan masyarakat dalam pembangunan negara. Konvensyen ini juga dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada MPKK Kampung Baru agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cekap, berkesan, berintegriti, berakauntabiliti dan sentiasa berkhidmat untuk menjamin kesejahteraan komuniti kampung.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat